



LAPORAN

PERTANDINGAN PENGURUSAN LANDSKAP HIJAU PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

NAMA INSTITUSI: KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

1. JAWATANKUASA PENGURUSAN LANDSKAP HIJAU



2. LATIHAN ATAU AKTIVITI YANG DIANJURKAN DAN KESEDARAN TERHADAP PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN LANDSKAP HIJAU


Nyatakan latihan / aktiviti / kempen melibatkan pengurusan landskap hijau. Serta pembuktian pelaksanaan aktiviti tersebut seperti ringkasan laporan. Tempoh aktiviti adalah di antara Jun 2022 hingga Jun 2023.

Bil	Nama aktiviti	Tarikh atau Tempoh (jika ada)
1	Program Plogging Bukit Merah Jerantut Pahang	18 Mar 2022
2	Program Plogging Lagoon Villa Cherating Pahang	29 Jun 2022
3	Program World Clean Up Day 2022	23 Sep 2022
4.	Landskap Hijau di ruangan lobi dan tandas	Sepanjang tahun
5.	Penanaman sayuran/tumbuhan menggunakan semula bekas sabun	Sepanjang tahun
6.	Penggunaan air tangki ikan untuk siram pokok bunga sayuran	Sepanjang tahun

4. Landskap Hijau di ruang lobi dan tandas.



Tumbuhan hiasan ditanam untuk landskap hijau di ruang lobi, kaunter pertanyaan dan ruangan menunggu. Tumbuhan teduh yang sesuai ditanam dalam bangunan tidak memerlukan cahaya matahari secara terus dan berfungsi menyedut karbon dioksida serta melepaskan oksigen untuk pengaliran udara yang lebih baik dalam bangunan.




Tumbuhan hiasan *Snake Plant* telah ditanam untuk landskap hijau di dalam tandas. Tumbuhan ini sangat sesuai ditanam dalam tandas kerana tidak memerlukan cahaya matahari secara terus, boleh tahan air bagi tempoh yang lama. Kebaikan fungsi tumbuhan ini, bukan sahaja menyedut karbon dioksida serta melepaskan oksigen tapi mampu menyerap udara bertoksik dalam tandas.

5. Penanaman sayur/tumbuhan menggunakan semula bekas sabun.



Bekas sabun pencuci yang telah habis digunakan oleh pekerja kebersihan telah dikumpulkan dan dikitar semula (*recycle*) untuk dijadikan bekas semaian sayuran sayuran. Bekas *recycle* tersebut digunakan, dapat mengurangkan pembuangan sisa plastik.

6. Penggunaan semula air tangki ikan untuk siram pokok bunga dan sayuran.



Air tangki ikan yang mengandungi banyak sisa organik hasil ternakan ikan pelajar amat sesuai digunakan semula sebagai baja organik dan boleh digunakan terus untuk siraman airerbaja penuh nutrien pada pokok hiasan/sayuran. Kaedah ini seterusnya dapat mengurangkan penggunaan baja moden.

3. PROGRAM BERSAMA KOMUNITI LUAR DAN DALAM INSTITUSI BERKAITAN ALAM SEKITAR DAN LANDSKAP HIJAU

Nyatakan program melibatkan pengurusan landskap hijau. Serta pembuktian pelaksanaan aktiviti tersebut seperti ringkasan laporan. Tempoh aktiviti adalah di antara Jun 2022 hingga Jun 2023.

Bil	Nama program	Tarikh
1	Program Plogging Bukit Merah Jerantut Pahang bersama SW-Corp Jerantut	18 Mac 2022
2	Program World Clean Up Day 2022 SW-Corp Malaysia	23 September 2022
3	Aktiviti CSR Jom Bersih Rekreasi Di Lata Meraung Jerantut	1 Jun 2023
4	Hari Jerantut Rendah Karbon Peringkat Daerah Jerantut	10 Jun 2023
5.	Plogging pantai sekitar Lagoona Villa Cherating	29 Jun 2022
6.	Voluntourism Taman rekreasi Kubang Gajah 2022	6 November 2022

1. PROGRAM PLOGGING BUKIT MERAH JERANTUT PAHANG BERSAMA SW-CORP PADA 18 MAC 2022



Unit Smart Green KKJP yang terlibat adalah pensyarah unit Akuakultur, staff kolej komuniti serta pelajar Akuakultur semester 1 dan 2 bersama pihak SW-Corp dan Majlis Daerah Jerantut dalam aktiviti plogging di Bukit Buluh (Red Forest) Jerantut.

2. PROGRAM WORLD CLEAN UP DAY 2022 SW-CORP MALAYSIA PADA 23 SEPTEMBER 2022



Poster hebahan program *World Cleanup Day*.

World Cleanup Day adalah sambutan di peringkat dunia yang melibatkan aktiviti pembersihan kawasan persekitaran secara serentak dan ia mula dianjurkan oleh sebuah organisasi antarabangsa iaitu *Let's Do It World*.



Semua warga kolej terlibat menjayakan program ini di sekitar kawasan berdekatan. Program ini dapat mendidik sikap menjaga kebersihan alam sekitar dan mengamalkan konsep kitar semula untuk semua yang terlibat.

3. AKTIVITI CSR JOM BERSIH REKREASI DI TAMAN EKO-RIMBA LATA MERAUNG JERANTUT PADA 1 JUN 2023





Program khidmat sosial (CSR) ini dapat memupuk sikap kerjasama, tolong-menolong dan keprihatinan terhadap alam sekitar dalam diri setiap pelajar.

4. HARI RENDAH KARBON PERINGKAT DAERAH JERANTUT PADA 10 JUN 2023



5. PLOGGING SEKITAR PANTAI LAGOONA VILLA CHERATING



Aktiviti plogging pelajar Kolej Komuniti Jerantut bagi memupuk persekitaran bersih di Lagoona Villa Cherating Pahang anjuran bersama Unit Smart Green dan Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Jerantut

6. VOLUNTOURISM TAMAN REKREASI KUBANG GAJAH 2022





Program Voluntourism Taman Rekreasi Kubang Gajah anjuran Homestay Malaysia dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Pahang, Majlis Perbandaran Temerloh dan Homestay Desa Murni. Dengan menyertai program ini, semua yang terlibat melakukan pembersihan, mengecat semula tembok dan penanaman pokok kawasan sekitarnya. Melalui aktiviti ini dapat memupuk semangat sukarelawan, kerjasama sepasukan, keprihatinan, serta mencintai alam sekitar.

4. SISTEM PENGUMPULAN AIR HUJAN / TAKUNGAN SIMPANAN AIR SEMENTARA



Aktiviti pengumpulan air hujan bagi kegunaan institusi seperti menyiram tumbuhan yang terdapat di sekitar institusi. Inisiatif ini dapat menjimatkan dan mengoptimumkan penggunaan air. Saliran air hujan dibina dari atas bumbung terus ke dalam tong penyimpanan air. Penjimatan air dapat dilakukan dengan mengoptimumkan sumber air semulajadi bagi kegunaan di institusi.

5. BENCHMARKING BERKAITAN PENGURUSAN LANDSKAP

Nyatakan benchmarking atau perkongsian maklumat berkenaan landskap hijau yang telah dilaksanakan. Sertakan laporan berkaitan.

a. Lawatan Penanda Aras EKSA ke Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor

Pada 23 Februari 2023, Unit Latihan EKSA Kolej Komuniti Jerantut telah menganjurkan Lawatan Penanda Aras ke Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor. Lawatan yang diadakan ini bertujuan untuk mendapatkan informasi dan pengetahuan tentang pelaksanaan amalan EKSA yang berkesan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja. Selain itu, ia juga dapat membantu para peserta mendapatkan gambaran, maklumat serta khidmat nasihat yang boleh dijadikan panduan untuk diamalkan di kolej kelak. Lawatan ini bermula pada pukul 7.00 pagi dan disambut oleh Penyelaras EKSA Kolej Komuniti Hulu Langat. Pihak kami dibawa ke Bilik Persidangan dan diberikan sedikit taklimat ringkas oleh Pegawai Jaminan Kualiti dan Penyelaras Induk EKSA Kolej Komuniti Hulu Langat. Aktiviti ini diteruskan dengan sesi lawatan ke sekitar bangunan kolej iaitu sekitar pejabat pentadbiran, perpustakaan, bilik pensyarah, bilik pegawai, bilik kuliah dan bengkel-bengkel berkaitan.



6. LAIN-LAIN YANG BERKAITAN PENGURUSAN LANDSKAP HIJAU

Nyatakan lain-lain yang berkaitan dalam pengurusan landskap hijau yang telah dilaksanakan di institusi.

6.1 Penggunaan jus bawang putih sebagai racun serangga organik (insect repellent) untuk tumbuhan dari jenis sayur-sayuran



Bawang putih mempunyai agen aktif *Allicin* yang mempunyai banyak manfaat. Penggunaan jus bawang putih di institusi adalah satu alternatif kepada penggunaan racun serangga kimia yang boleh memberi kesan kepada alam sekitar. Ia mampu bertindak sebagai racun serangga organik (Organic insect repellent) yang mesra alam dan mengelakkan kesan kepada penggunaan manusia. Penggunaan jus bawang putih ini juga digunakan sebagai agen antibiotik semulajadi yang direnjisikan ke atas makanan rumusan komersial untuk diberikan kepada ternakan yang terdapat di institusi.

6.2 Aktiviti pemuliharaan tasik dengan enzim organik



Enzim organik digunakan untuk memulihara air kolam atau tasik di kawasan perumahan awam. Enzim organik mengandungi bakteria-bakteria baik yang telah menjalani proses penapaian daripada sisa-sisa buangan dapur seperti kulit buah-buahan dan lebihan sayur-sayuran yang berfungsi menguraikan sisa-sisa buangan, merawat dan memulihara air secara semulajadi. Kolej Komuniti Jerantut telah mengambil inisiatif dan saranan daripada persatuan ECO enzim Johor dengan menghasilkan enzim organik dan seterusnya digunakan untuk banyak tujuan. Salah satu aktiviti bagi memelihara alam sekitar, institusi telah mengambil langkah dengan mencurahkan ECO enzim ke dalam tasik atau kolam yang berada di kawasan perumahan umum. Langkah ini sedikit sebanyak dapat membantu memelihara alam sekitar terutamanya sumber air yang melalui perairan umum.